

Syor suami kerja swasta cuti 14 hari isteri bersalin

UM 21 FEB 2002

PETALING JAYA 20 Feb. — Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta kerajaan membuat peraturan bagi membolehkan suami yang bekerja di sektor swasta bercuti 14 hari tanpa rekod ketika isteri bersalin.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata, MTUC juga meminta kerajaan meluluskan permohonan kongres supaya cuti bersalin bagi isteri ditambah daripada 60 hari kepada 90 hari.

Beliau berkata, dua langkah tersebut sejajar dengan ketetapan yang dicapai di dalam Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dua tahun lepas.

“Kebenaran cuti selama dua minggu kepada suami ketika isteri bersalin mampu memberi kemudahan untuk mereka menjaga anak yang sedia ada di samping dapat bersama isteri yang sentiasa memerlukan sokongan suami.

“Rasional jumlah cuti isteri bersalin ditambah menjadi 90 hari pula bertujuan untuk mengembalikan kecergasan mereka sebelum bekerja. Saya percaya dengan adanya rehat yang cukup, wanita selepas bersalin mampu meningkatkan produktiviti syarikat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar isu-isu wanita anjuran Persekutuan Pengangkutan Antarabangsa (ITF) di sini, hari ini.

Menjejaskan

Beliau berkata demikian ketika ditanya antara inti pati perbincangan MTUC dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 8 Disember tahun lalu.

Zainal berkata, dalam pertemuan tersebut, beliau menjelaskan betapa perlunya kerajaan melaksanakan sistem cuti tersebut.

“Saya percaya pihak Perdana Menteri kini sedang mengkaji cadangan yang telah dikemukakan kepada MTUC ini,” katanya lagi.

Dalam pada itu beliau tidak menolak kemungkinan ada pihak majikan tidak mahu melaksanakan sistem cuti bersalin bagi isteri dan suami seperti yang dicadangkan itu kerana ia melibatkan pemberian cuti tambahan serta pemberian gaji pada hari tidak bekerja.

“Bagi MTUC, cadangan ini tidak akan menjejaskan operasi syarikat kerana pemberian cuti 14 hari tanpa rekod kepada suami membolehkan mereka mempunyai masa yang cukup untuk menguruskan hal rumah tangga semasa isteri bersalin.

“Secara tidak langsung emosi mereka juga tidak terganggu selepas mereka mula bekerja. Begitu juga penambahan cuti bersalin mampu mengembalikan kecergasan kepada golongan isteri sebelum mula bertugas,” katanya lagi.